



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

Tajuk Sebut harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut harga	Tarikh Taklimat
SEBUT HARGA MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJILARI DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR SISTEM KAWALAN KESELAMATAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) WISMA BERNAMA DI BAWAH PROJEK MEMBANGUN DAN MENAIKTARAF SISTEM KESELAMATAN MEKANIKAL ELEKTRIKAL DAN KERJA-KERJA AWAM WISMA BERNAMA (FASA 1) NO. RUJUKAN : BER/SH/01/2024	120401 - Alat Keselamatan, Perlindungan Kawalan Perlindungan Kawalan	24 Januari 2024 (Rabu) jam 12.00 tengah hari Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan	15 Januari 2024 (Isnin) jam 12.00 tengah hari

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai tarikh **15 Januari 2024 (Isnin)** pada waktu taklimat. Syarikat juga wajib berdaftar sebagai pembekal BERNAMA di laman web <https://myvendor.bernama.com/login>.

Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada syarikat dan kehadiran syarikat adalah **digalakkan**. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 15 Januari 2024 (Isnin)
 Masa : 10.30 Pagi
 Tempat : Taklimat Atas Talian

Syarikat juga wajib membawa Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan yang masih aktif ketika menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai sebut harga ini.

Bagi syarikat yang tidak dapat menghadiri taklimat, boleh mendapatkan dokumen sebut harga di Bahagian Perolehan, Tingkat 6, Wisma BERNAMA atau membuat permohonan melalui emel kepada urus setia perolehan untuk mendapatkan salinan asal dokumen sebut harga.

Syarikat perlu mengisi borang pengesahan kehadiran taklimat **(Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat Sebut harga)** dan diemelkan kepada Urus Setia Perolehan seperti di atas selewat-lewatnya sebelum **15 Januari 2024 (Isnin)jam 10.30 pagi**.

Syarikat perlu mengemukakan tawaran tersebut secara manual ke dalam peti sebut harga berserta dokumen-dokumen sokongan pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari, 24 Januari 2024 (Rabu)** di alamat berikut:

**Bahagian Perolehan
Tingkat 6, Wisma BERNAMA
28, Jalan BERNAMA,
Off Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)
No Tel : 03-2631 1685
E-mel : haniiah.ahya@bernama.com**

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen sebut harga boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat di atas.

Tawaran Sebut Harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana arahan sebut harga tidak akan dipertimbangkan.